

# Malaysia, Turkiye tangani Islamofobia peringkat global

Perjumpaan dua pemimpin diatur sempena persidangan PBB bulan depan

Oleh Suzalina Halid dan Muhammad Yusri Muzamir  
bhnews@bh.com.my

**Permatang Pauh:** Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memaklumkan Malaysia dan Turkiye akan menjalin kerjasama bagi menangani isu Islamofobia di peringkat antarabangsa.

Inisiatif menggerakkan usaha itu secara bersama sudah dibincangkan Perdana Menteri dengan Presiden Recep Tayyip Erdogan yang kemudian meminta satu perjumpaan diatur sempena persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), September ini untuk mereka berdua berbincang lanjut.

Menurut Anwar, Islamofobia adalah sikap permusuhan terhadap Islam, terutama di negara Barat di mana Islam dibenci sehingga menimbulkan perbuatan seperti tindakan membakar al-Quran di Sweden, baru-baru ini.

"Kita bincang mengenai Islamofobia, Erdogan dan saya bersejua mengemudi usaha ini. Beliau kata, boleh tak kita berdua bangkitkan gerakan dan buat sesuatu bagi melawan serangan terhadap Islam, terutama di Amerika Syarikat serta Eropah.

"Saya kata silakan, saya setuju dan kata kita akan siapkan kertas (kerja) serta bincang," katanya ketika berucap pada Himpunan Rakyat Bersama Perdana Menteri di Dataran Rakyat Guar Perahu, di sini, malam kelmarin.

Mengenai insiden bakar al-Quran, Anwar menegaskan, beliau sudah mengeluarkan kenyataan sangat keras mengutuk perbu-



Anwar melambaikan tangan pada ceramah Jelatah Perpaduan MADANI di Guar Perahu, malam kelmarin.

(Foto BERNAMA)

tan tidak bertanggungjawab itu dan kemudian mengarahkan penerbitan sejuta al-Quran untuk diedar ke seluruh dunia.

Menerusi kenyataan berasingan semalam, Perdana Menteri memaklumkan, pada sesi panggilan video dengan Erdogan malam kelmarin, beliau turut memaklumkan inisiatif Malaysia mengedarkan sejuta al-Quran, sebagai salah satu usaha menangani kedangkalan pemahaman Barat terhadap Islam.

Katanya, dalam perbualan itu, beliau menjelaskan kepada pemimpin berkenaan bahawa 15,000 naskhah al-Quran akan diterjemahkan ke dalam bahasa Sweden, iaitu negara yang terkait dengan insiden membakar kitab suci berkenaan di luar sebuah masjid di Stockholm, Jun lalu.

"Saya menyatakan pendirian tegas Kerajaan Perpaduan menolak sebarang unsur keganasan serta tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang terbabit dalam aspek itu di negara ini.

"Saya juga memaklumkan kepada Presiden Erdogan berhu-

bung usaha Malaysia menentang Islamofobia, iaitu tindakan membakar al-Quran di Sweden.

"Saya mengesakan sekeras-kerasnya tindakan itu yang berselindung di sebalik hak kebebasan bersuara yang diagungkan Barat," katanya.

Menurut Anwar, sebelum sesi perbincangan dimulakan, Erdogan turut mendoakan kejayaan gabungan Kerajaan Perpaduan pada Pilihan Raya Negeri (PRN) di Kedah, Kelantan, Terengganu, Selangor, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan, 12 Ogos ini.

Hubungan Perdana Menteri dengan pemimpin Turkiye itu sudah terjalin lama dan sememangnya erat, malah Anwar sebelum ini merujuk negara Eropah berkenaan sebagai sahabat ketika

berdepan saat getir dan sukar.

Ketika Turkiye dilanda gempa bumi pada Februari lalu, Anwar 'mencuri' masa mengadakan lawatan ringkas ke negara terbabit untuk meninjau lokasi bencana, bertemu Erdogan serta menyatakan komitmen tidak berbelah bahagi Malaysia dalam membantu warga Turkiye yang terkesan akibat tragedi itu.

Sering bertanya khabar dan bertukar pandangan melalui panggilan telefon, Perdana Menteri April lalu menghubungi Erdogan selepas pemimpin itu mengalami masalah kesihatan, dikenali sebagai *gastroenteritis*.

Sempena Aidilfitri pada bulan sama, Anwar menerima panggilan telefon daripada Presiden Turkiye itu dan berbalas ucapan sambil menyentuh isu hubungan dua hala kedua-dua negara, perkembangan krisis politik di Tunisia, pergolakan di Sudan dan juga pilihan raya di negara terbabit.

Pada Mei, Agensi Industri Pertahanan Turkiye (SSB) menghantar delegasi besar untuk menyertai Pameran Aeroangkasa dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA).